



## Penjenamaan Semula Jejak Warisan Klang

Klang, 23 November 2021 – Selaras dengan perancangan MPK untuk menaik taraf bandar Klang menjadi Bandaraya Diraja pertama di negara ini, program Jejak Warisan Klang akan dijenamakan semula sebagai Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang (*Klang Royal City Heritage Trail*).

Kertas cadangan projek ini telah dibentangkan oleh Faisal Surani, Kurator MPK, dalam Mesyuarat Penjenamaan Semula Jejak Warisan Klang Kepada Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang Bil. 1/2021.

Sebanyak 18 laluan jejak warisan baharu diperkenalkan dan 207 penanda tempat telah dicadangkan pada mesyuarat berkenaan dan ia termasuklah laluan di Sungai Klang serta laut mengelilingi Pulau Klang, Pulau Ketam dan Pulau Indah di Selat Melaka.

“Jejak Warisan Klang sedia ada akan diserap menjadi sebahagian daripada Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang yang baharu. Ia akan diselaraskan semula berdasarkan tema dan karakter baharu yang akan ditetapkan,” kata Faisal.



Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Jabatan Warisan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, International Council On Monuments and Sites (ICOMOS) Malaysia, Tourism Selangor serta Pejabat Daerah dan Tanah Klang di samping Jabatan Komunikasi Korporat, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Bangunan, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Taman dan Rekreasi dan Jabatan Kemasyarakatan dari MPK.

**Menarik di dalam**

**Kunjungan Hormat**

**Webinar Sejarah Siri 3**

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:  
Pusat Sumber MPK,  
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,  
Jalan Tengku Kelana, 41200 Klang.  
Kurator: +603 33758080  
Pusat Sumber: +603 33758006

### Sidang Redaksi

#### Penaung

YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad  
Tajuddin

#### Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

#### Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

#### Reka Bentuk Grafik & Kreatif

Mazlan bin Yahya  
Mohd Shahril bin Sanip



# Klang Tempoh Dulu



Ini adalah kediaman rasmi bagi Tuan *Collector and Magistrate* Klang pada tahun 1887.

Salah satu foto beresolusi tinggi yang terdapat dalam Pangkalan Data Sejarah dan Warisan di Pejabat Kurator MPK.

## Kerjasama Promosi Pesta Buku Selangor 2021



Klang, 30 November 2021 – Jalinan kerjasama MPK dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS) diteruskan dengan kunjungan wakil PPAS Daerah Klang ke Pusat Sumber MPK bagi aktiviti promosi Pesta Buku Selangor 2021 anjuran PPAS di Shah Alam Convention Centre (SACC) yang bakal berlangsung dari 2 hingga 12 Disember 2021.



**KEMAS KINI  
WAKTU OPERASI**

**10 PAGI  
HINGGA  
9 MALAM  
(SETIAP HARI)**

**MASUK PERCUMA** **SECARA HIBRID** **CABUTAN BERTUAH**

**2-12 DISEMBER 2021**

PUSAT KONVENSYEN SHAH ALAM (SACC)

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.*

*Webinar Sejarah dan Warisan Klang 2021 meneruskan acara siri ketiganya dan terakhir. Kali ini memaparkan dua tokoh Klang terkemuka yang jarang diperkatakan iaitu YDH Dato' Abdul Hamid bin Dato' Kaya Baduk (Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang ke-10) oleh Encik Ahmad Farhan bin Abdullah Zakaria (UKM) dan Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Yusof bin Sahabuddin (Mufti Pertama Negeri Selangor) oleh Tuan Fatkuradzi bin Jamil, Pengerusi Pertubuhan Warisan Islam Selangor.*

*Webinar Siri Ketiga pertama kali bersiaran secara langsung dari Pusat Sumber MPK di Jalan Tengku Kelana dan turut disertai oleh Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Yang Dipertua MPK.*

*Bulan Oktober dan November menyaksikan tiga kunjungan hormat tamu ke Pejabat Kurator. Pertama oleh Encik Charles Mohan, pembaca berita NTV7 diikuti oleh Saudara Azlan Shariff, aktivis sejarah dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Batu Pahat dan ketiga oleh Tuan Irsyad bin Kamaruddin, Pengerusi Pertubuhan Minangkabau Tanah Datar Negeri Selangor. Pertemuan banyak tertumpu kepada maklumat sejarah, pertukaran idea, aktiviti bersama dan bidang kerjasama dalam usaha mengeratkan perhubungan kedua-dua pihak.*

*Kertas cadangan projek Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang telah dibentangkan pada Mesyuarat Penjenamaan Semula Jejak Warisan Klang Kepada Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang Bil.1/2021.*

*Kehadiran ramai wakil dari pelbagai jabatan dan badan bukan kerajaan yang memenuhi Bilik Mesyuarat Raja Mahadi membuktikan komitmen dan minat mereka terhadap projek yang juhung kali bakal dilaksanakan di negara ini.*

*Semoga projek Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang dapat mengangkat imej Klang sebagai destinasi Kota Raya Diraja Melayu utama yang berteraskan produk warisan, sejarah dan budaya tempatan.*

*Kepada penganut Hindu, Selamat Hari Deepavali.*

*Faisal bin Dato' Haji Surani  
Kurator*



## DATO' ABDUL HAMID BIN DATO' BADUK: ANAK ORANG BESAR SELANGOR BERPRESTIJ

Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria



### Timbalan Penolong Pegawai Daerah Klang, 1921-1928

- 1 Pegawai Daerah Klang
- 2 Penolong Pegawai Daerah Klang
- 3 Penolong Pegawai Daerah Klang Kedua
- 4 Timbalan Penolong Pegawai Daerah Klang

- Dato' Abdul Hamid mendapat *Malay Administrative Service Scheme* pada 1 Januari 1921 berkuat kuasa sebagai Timbalan Penolong Pegawai Daerah Klang
- Dato' Abdul Hamid menyandang hanya jawatan *Timbalan Penolong Pegawai Daerah Klang* sehingga dikurniakan jawatan Orang Kaya Maha Bijaya Klang pada 9 Jun 1928 dan menjelakan kedua-dua tanggungjawab ini sehingga berakhir pada 12 Julai 1933
- Dato' Abdul Hamid menganggotai mesyuarat di daerah Klang seperti:
  - 1) Lembaga Kebersihan Klang, 1921-1928
  - 2) Persidangan Penghulu Peningkat Daerah Klang, 1922-1928
  - 3) Jawatankuasa Penasihat Daerah Sekatan Getah Klang, 1925-1928
- Dato' Abdul Hamid berpenanan:
  - 1) mengurangkan dan menasihati hal ehwal tanah khususnya masyarakat Melayu dalam daerah Klang
  - 2) merekod hal-hal tersebut untuk dimaklumkan kepada Pegawai Daerah Klang bagi dimasukkan dalam *Laporan Bulanan Daerah Klang, Laporan Tahunan Daerah Klang dan Laporan Tahunan Negeri Selangor*

Dalam pembentangnya, saudara Farhan mengupas tentang peranan Dato' Abdul Hamid bin Dato' Baduk dalam pentadbiran Selangor sebelum dan semasa memegang jawatan Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang.

Lahir pada 12 Julai 1880, Dato' Abdul Hamid telah menyandang beberapa jawatan seperti Penulis Melayu di Pejabat Pesuruhjaya Polis, Kerani Pendaftar Hospital Umum Kuala Lumpur, Pegawai Petempatan di Klang, Kuala Selangor serta Sabak Bernam dan sebagai Timbalan Pegawai Daerah Klang.

Sewaktu menjadi Orang Kaya Maha Bijaya Klang, beliau turut menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor; Ahli Jawatankuasa Kewangan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor; ahli Persatuan Perusahaan Melayu Selangor; ahli Persatuan Bola Sepak Daerah Klang; ahli Lembaga Kebersihan Klang; ahli Lembaga Pelesenan Penyeliaan Getah Klang; ahli Jawatankuasa Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu bagi Majlis Mesyuarat Negeri Selangor; ahli Lembaga Saliran Rantau Panjang; ahli Majlis Bandaran Klang; ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dan ahli Mesyuarat Orang-Orang Besar Selangor.

Sebagai Waris Negeri dan berketurunan Minangkabau, Dato' Abdul Hamid telah berjaya membuktikan beliau adalah anak Orang Besar Selangor yang berprestij.

## Kupasan Pembentangan Ahli-ahli Panel Webinar Siri 3

Peranan Mufti di Selangor amat penting iaitu sebagai Penasihat dan Pakar Rujuk dalam hal ehwal agama Islam. Sebelum tahun 1953, jawatan ini dikenali sebagai Penasihat Agama pada abad ke-19 dan Syeikhul Islam mulai tahun 1935.

Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Yusof bin Shahabuddin adalah Mufti pertama negeri Selangor ketika zaman pentadbiran British sehingga awal kemerdekaan Tanah Melayu (1953 – 1968).

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Teluk Menegun Klang lalu menyambung pendidikannya di Sekolah Pondok Padang Lalang Pulau Pinang dan kemudian meneruskan pengajiannya di Mekah.

Beliau mendirikan sekolah pondoknya sendiri di Bagan Datuk, Perak pada 1918 dan telah menghasilkan banyak karya meliputi bidang Aqidah, Usul Fiqh, Fiqf dan Tasawuf.

Ketika menjadi Mufti, beliau juga telah mengeluarkan fatwa tentang kesesatan ajaran Qadiyani.


### Mengenang Kembali Jasa-jasa SAHIBUS SAMAHAH DATO' SERI UTAMA DIRAJA DATO' HAJI YUSOF BIN SAHABUDDIN Mufti Pertama Negeri Selangor



Dato' Haji Yusof

Tuan Fatkurradzi

### Perkembangan Institusi Fatwa







# Wawancara Sejarah Jambatan di Klang

Klang, 1 November 2021 – Ada pelbagai kisah menarik tentang jambatan-jambatan di bandar Klang, daripada reka bentuknya hinggalah penggunaan kepala manusia. Begitulah yang disampaikan Kurator MPK, Faisal Surani, sewaktu ditemu bual oleh Sheela Vijayan, wartawan Free Malaysia Today.

Menurut Faisal, ada pelbagai jenis jambatan yang dibina di Klang sama ada besi, pontoon atau konkrit. Ia dibina untuk kegunaan kenderaan atau kereta api merentasi Sungai Klang bagi menggantikan feri dan perahu di Pengkalan Batu.

“Di antara jambatan ini, Jambatan Kota Lama Klang yang mempunyai kisah panjang yang amat menarik sehingga menjadi sebahagian warisan jambatan berkenaan. Perkara ini telah membawa kepada persetujuan Pesuruhjaya Warisan untuk mewartakan jambatan ini sebagai monumen Warisan,” ujar beliau lagi.

Perkembangan ekonomi menyaksikan peningkatan bilangan kenderaan di jalan raya yang membawa kepada pembinaan beberapa jambatan baru di Bandar Diraja ini.




## The bridges of Klang, connecting past and present

Sheela Vijayan @ FMT Lifestyle - November 10, 2021 7:30 AM



Many people use the lower deck of the old Kota Bridge to move between the northern and southern parts of Klang. (Klang Bandar DiRaja Facebook pic)



The Musaeddin Bridge connects the north of Klang to the south at Jalan Tengku Kelana. (Klang Bandar DiRaja Facebook pic)

### New Kota Bridge

Faisal says that as traffic continued to increase, a new Kota Bridge had to be constructed as the old one was only a single-lane dual carriageway.





Klang, 22 Oktober 2021 – Pejabat Kurator MPK pagi ini menerima kunjungan hormat daripada pembaca berita terkemuka NTV7, Charles Mohan.

Beliau yang hadir bersama Encik Afzal mewakili syarikatnya, Charles Mohan and Associates Sdn Bhd, sedang dalam rangka kerja mendapatkan maklumat dan gambar-gambar lama Klang bagi penerbitan video korporat MPK yang bertemakan pelaburan di Klang.

Dalam sesi perbincangan bersama Faisal Surani, Kurator MPK, terserlah sisi lain Charles Mohan, anak jati Klang ini yang tidak diketahui ramai iaitu beliau meminati sejarah, khususnya tentang Klang. Sebagai anak jati Klang beliau mempunyai banyak pengetahuan tentang sejarah Klang dan telah sudi berkongsi maklumat dengan Kurator tentang beberapa tempat bersejarah di Klang.



## Kunjungan Hormat Kepada Kurator



Klang, 22 Oktober 2021 – Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Batu Pahat (PSMCBP) Johor, Azlan Sharif hari ini melakukan kunjungan hormat kepada Faisal Surani, Kurator MPK yang merupakan Ahli Seumur Hidup Persatuan Sejarah Malaysia.

Beliau yang merupakan seorang aktivis kemasyarakatan dan pengkaji batu nisan Aceh di Malaysia telah menyampaikan cenderahati daripada PSMCBP iaitu Buletin PSM Batu Pahat kepada Kurator MPK manakala Faisal pula telah menyerahkan buletin Warta Warisan MPK dan cenderahati Pusat Sumber kepada beliau.

Pelbagai topik telah dibincangkan merangkumi penyelidikan sejarah, Orang-orang Besar Selangor, batu nisan Aceh di Selangor serta program sejarah.

Azlan juga menyampaikan hajat Muzium Polis Diraja Malaysia yang ingin mendapatkan maklumat tentang pasukan polis dan Tengku Kelana (Sultan Ghiatuddin Musa'eddin Shah, Sultan Selangor ketujuh).





**Mesyuarat Penjenamaan Semula Jejak Warisan Klang**



*Encik Mohamad Aris Sahid  
Perbadanan Adat Melayu dan Warisan  
Negeri Selangor (PADAT)*



*Encik Mohd Harmizi bin Raimi – Arkib Negara Malaysia*



*TPr. Afzal Azhari  
International Council on Monuments and Sites  
(ICOMOS) Malaysia*



*Puan Nor Azimah binti Supa'at  
Jabatan Warisan Negara*





*Puan Nur Farizan binti Abdul Mubin  
Tourism Selangor*



*Kiri: Tuan Munasor bin Aliyasak – Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz  
Kanan: Ts Sharyzee Mohmad Shukri – ICOMOS Malaysia*



*Encik Mohd Azhar bin Md Tonezi  
Pejabat Daerah / Tanah Klang*



*YBrs Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin – Yang Dipertua MPK*



*Sebahagian daripada ahli-ahli  
mesyuarat yang hadir*

*Kanan:  
Puan Norfiza binti Mahfiz  
Pengarah Komunikasi Korporat  
MPK*



*TPr Puan Yusrina binti Mohamad Yusof  
Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa MPK*

*Bawah:  
Encik  
Muhamad  
Firdaus Ishak  
Jabatan Taman  
dan Rekreasi*





**LIVE WEBINAR**

**WEBINAR**  
Sejarah dan Warisan  
*Klang* Siri 3

Siaran langsung di: **LIVE**

26 Nov. 2021 (Jumaat)  
8:30 pg. - 12:00 tgh.  
(Lihat siaran langsung 2 minggu sebelum webinar bermula)

**AHLI PANEL:**  
TUAN FATKURRADZI BIN JAMIL  
Pengerusi Pertubuhan Warisan Islam Selangor

**AHLI PANEL:**  
ENCIK AHMAD FARHAN BIN ABDULLAH ZAKARIA  
Universiti Kebangsaan Malaysia

MEDIUM:  
shorturl.at/jzJU5  
(Microsoft Teams Meeting)



WEINAR SEJARAH DAN WARISAN

Faisal Bin. Surani

AHMAD FARHAN BIN ABDULLAH

Rohayati Bt. Abdul Rahim

Faturradzi Jamil (Guest)

RR

MIKLANG

**Istana Perintis Perkembangan Islam**

- Istana merintis jalan untuk perkembangan Islam di Selangor
- Ulamak sumber rujukan dalam hal ehwal agama
- Sultan Muhammad Shah (1826-1857) melantik Syeikh Abdul Ghani, ulamak dari Bema, Sumatera menjadi Kadi Selangor
- Sultan Abdul Samad (1857-1898) tubuhkan institusi mengendalikn perkahwinan, perceraian dan kesalahan melanggar undang-undang Islam

Faturradzi Jamil (Guest)



**Perkhidmatan Sebelum Menyandang Orang Besar Daerah Klang, 1910-1928**

1. Pinda Istana di Pejabat Persekutuan Peka (1 Januari 1903)
2. Kemua Perubatan di Hospital Umum Kuala Lumpur (1 Disember 1904)
3. Program Persempatan (Sertanan) Gajah Klang (10 Mac 1907)
4. Program Persempatan (Sertanan) Gajah Kuala Selangor (1 Ogos 1908)
5. Program Persempatan (Sertanan) Gajah Kuala Bencan (19 Jun 1914)
6. Program Persempatan (Sertanan) Gajah Klang (20 Jun 1914)
7. Tindakan Pindah Program Daerah Klang (1 Januari 1921)

AHMAD FARHAN BIN ABDULLAH



**Sekitar Webinar Sejarah dan Warisan Klang Siri 3**

